

OBOR BELIA

BUKU 10

TINJAUAN PERJANJIAN LAMA (BAHAGIAN I)



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis: Evelyn Tan Hwee Yong

Hwee Yong telah lama berkecimpung dalam penulisan dan penterjemahan, dan telah menulis banyak buku dalam Bahasa Malaysia. Dia memperoleh M.A. Theology dari South East Asia Bible College, dan M. Human Sc. dari Universiti Islam Antarabangsa.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Jun 2010

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com
Pencetak : Akitiara Corporation Sdn. Bhd.
Kulit Buku : Randy Singkee
Reka Letak : Randy Singkee
Artis Ilustrasi : Matthew Sze

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2010 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Tinjauan Perjanjian Lama (Bahagian I)

Lembar Kerja

6	Sesi 1: Gambaran Besar Perjanjian Lama
12	Sesi 2: Kejadian: Suatu Permulaan
16	Sesi 3: Dari Keluaran ke Imamat
22	Sesi 4: Bilangan Hingga ke Ulangan
26	Sesi 5: Panglima Yosua yang Hebat
30	Sesi 6: Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan
36	Sesi 7: Cerita Lanjutan Kerajaan Terpisah
38	Sesi 8: Ezra dan Nehemia

Panduan Pembimbing

45	Sesi 1
49	Sesi 2
54	Sesi 3
58	Sesi 4
61	Sesi 5
63	Sesi 6
67	Sesi 7
69	Sesi 8
72	Evaluasi OBOR Belia

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.




Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 10: Tinjauan Perjanjian Lama (Bahagian I)

Mukadimah

Kalau kita mahu memahami Alkitab dengan tepat, kita perlu melihat gambaran besarnya. Dengan membaca Perjanjian Baru sahaja, kita tidak dapat memahami keseluruhan rancangan Allah atau melihat kesinambungan ceritanya. Untuk memahami satu kitab atau doktrin, kita mesti terlebih dahulu mendapat pandangan secara menyeluruh. Dalam bahasa Inggeris ia dipanggil “*Big Picture*” atau gambaran besar.

Perjanjian Baru akan menjadi lebih bermakna kalau kita memahami peristiwa-peristiwa, watak-watak penting, sistem ibadah dan korban, serta perjanjian-perjanjian dalam Perjanjian Lama. Tanpa memahami perjanjian-perjanjian dalam Perjanjian Lama, kita tidak dapat memahami keistimewaan Tuhan Yesus sebagai Mesias yang dijanjikan, dinantikan, dan dinubuatkan sejak Perjanjian Lama.

Mengetahui sejarah dan peristiwa penting merupakan langkah yang penting dalam pentafsiran Alkitab. Kalau seorang pentafsir tahu sejarah dan latar belakang waktu itu, tentu dia dapat mengetahui tujuan Firman Allah dan nubuat-nubuat yang disampaikan pada waktu itu. Secara khusus kebudayaan manusia yang disebutkan dalam Perjanjian Lama ialah kebudayaan bangsa Israel dan bangsa-bangsa yang tinggal di sekitar mereka seperti Mesir, Babel, Elam, Goyim dan lain-lain.


Sejarah umat manusia diwarnai oleh kesetiaan Allah dan umat ciptaan-Nya yang tidak setia. Namun kasih Allah yang besar telah menyebabkan Dia mengikat Perjanjian dengan umat-Nya. Dosa dan ketidak-taatan umat pilihan-Nya telah mendatangkan pelbagai penghukuman tetapi perjanjian Allah tetap utuh sehingga Dia memelihara segelintir yang akan muncul sebagai umat Allah yang lebih sejati.

Buku ini akan menolong para belia menelusuri unsur-unsur waktu serta konsep-konsep yang utama sehingga mendapat tinjauan yang mantap daripada Alkitab.

“Aku akan mengadakan perjanjian antara Aku dan engkau serta keturunanmu turun-temurun menjadi perjanjian yang kekal, supaya Aku menjadi Allahmu dan Allah keturunanmu.” (Kejadian 17:7)

**Sesi
1**

**Gambaran Besar
Perjanjian Lama**





Ayat Mas Alkitab

“Segala tulisan yang diilhamkan oleh Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kebenaran, untuk memperbaiki kelakuan, dan untuk mendidik orang dalam kebenaran.”

(2 Timotius 3:16)



Kata-kata Mutiara

Pemahaman seluruh Alkitab sangat penting kerana Perjanjian Lama membuka tirai permulaan rancangan Allah bagi penyelamatan, penebusan, dan pengharapan bagi umat pilihan-Nya.



Aktiviti Bersama

Tahukah Anda?

Alkitab kaya dengan pelbagai jenis corak tulisan dan beraneka jenis sastera. Membaca Alkitab tidak pernah membosankan kerana gaya penulisan yang beraneka jenis sungguh menarik minat kita untuk membacanya. Dengan menggunakan daftar isi Alkitab anda, isikan kitab-kitab menurut kategori-kategorinya di bawah.

Kitab-Kitab Taurat	Kitab-Kitab Sejarah	Kitab-Kitab Hikmat dan Bidalan	Kitab-Kitab Nabi Besar	Kitab-Kitab Nabi Kecil

- A. Lima buku yang pertama dalam Alkitab juga di panggil Torah atau _____
- B. Namakan dua kitab yang memuat sejarah umat Israel dan tujuan Tuhan untuk umat Allah. _____ dan _____
- C. Namakan satu kitab yang banyak mengandungi sajak Raja Daud.

- D. Namakan satu kitab yang mempunyai kata-kata bijak Raja Salomo (Sulaiman). _____
- E. Nama satu kitab yang menceritakan nabi yang cuba melarikan diri daripada Tuhan. _____
- F. Nama satu kitab yang menceritakan nabinya disuruh membakar roti di atas najis untuk menggambarkan keadaan Israel apabila dibawa oleh musuh ke negara mereka. _____
- G. Alkitab ditulis dalam bahasa _____ dan _____



Renungan Firman Tuhan

Perjanjian Lama bermula dengan permulaan iaitu penciptaan segala sesuatu yang wujud dan dilanjutkan dengan panggilan Allah kepada Abram. Ini diikuti dengan panggilan umat Allah dari Mesir dan pembentukan satu bangsa melalui Musa. Kemudian umat Israel dibawa ke dalam pembuangan tetapi dibawa oleh Allah kembali ke tanah air mereka. Perjanjian Lama bermula dari kitab Kejadian dan berakhir dengan kitab Maleakhi.

Lengkapi jadual waktu di bawah untuk memahami Perjanjian Lama dengan lebih baik.

Zaman	Peristiwa-Peristiwa
Permulaan	Allah telah menciptakan _____ _____ (Kejadian 1:1)
Zaman Bapa Leluhur	Namakan dua bapa leluhur bangsa Israel _____ dan _____
Zaman Dalam Kebelegguan	Umat Israel terbelenggu sebagai hamba selama _____ tahun di _____ (Keluaran 12:40)

Zaman	Peristiwa-Peristiwa
Zaman Padang Belantara	Bekeliran selama _____ tahun di padang belantara (Ulangan 14:32-34)
Zaman Penaklukan	TUHAN berperang untuk orang Israel. _____ yang membimbing orang Israel untuk menakluk tanah Kanaan (Yosua 1:1-3)
Zaman Hakim-Hakim	Umat Israel tinggal di tanah Kanaan tetapi tidak setia kepada TUHAN. Dia mengutus _____ untuk menolong mereka. (Hakim-Hakim 2:10-16)
Zaman Kerajaan Yang Bersatu	Umat Israel meminta agar Allah memberi mereka raja untuk memerintah mereka. Namakan dua orang raja Israel: _____ dan _____
Zaman Kerajaan Yang Berpecah	Kerajaan berpecah menjadi dua bahagian: Kerajaan Utara dipanggil _____ (1 Raja-Raja 12:16) dan Kerajaan Selatan dipanggil _____ (1 Raja-Raja 12:23-24)
Zaman Pembuangan	TUHAN menghukum orang Israel dengan menghantar mereka ke _____ (Yeremia 52:12-16) selama _____ tahun (Daniel 9:2)
Zaman Kembali Ke Tanahair	Kembali ke Yerusalem. Allah memelihara Perjanjian-Nya dan membawa umat-Nya kembali. Ada tiga orang yang membimbing umat Israel kembali ke Yerusalem: _____, _____ dan _____
Zaman Senyap	Alkitab tidak menjelaskan apa yang terjadi selepas mereka kembali dari pembuangan selama 400 ratus tahun sehingga kelahiran Kristus.
Zaman Perjanjian Baru	Kelahiran Kristus Yesus



Renungan Peribadi

Perjanjian-Perjanjian Yang Penting

Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru diikat oleh perjanjian-perjanjian. Jelaskan secara ringkas inti perjanjian tersebut dan lihatlah bagaimana Mesias datang daripada silsilah Kristus Yesus (soalan 4):

1. Perjanjian Allah dengan Abram (Kejadian 15:5).
2. Perjanjian Allah dengan Musa (Keluaran 19:5).
3. Perjanjian Allah dengan Daud (2 Samuel 7:26).
4. Nenek-moyang Kristus Yesus daripada keturunan Daud. (Matius 1:5).

Santapan Minda

“Kitab Kejadian ialah Kitab Permulaan dan juga prolog drama penebusan yang hebat. Kejadian 1-11 boleh dianggap sebagai prolog (pengenalan) kepada drama, dan babak lakonan yang pertama dimulai dalam Kejadian 12 bermula dengan pengenalan Abraham. Drama ini berakhir dengan Kitab Wahyu. Prolog itu mewarnai drama-drama yang akan dilakukan. Apakah jawapan Allah terhadap dosa sejagat, dosa yang tidak luput? Abraham adalah permulaan jawapan Allah. Dia panggil satu umat pilihan yang kemudiannya akan datang Sang Penebus.”

~ New Bible Dictionary



Doa

Tutup dengan doa dan ucapan syukur atas anugerah-Nya sepanjang sejarah Perjanjian Lama dan juga sejarah manusia. Sejak Adam jatuh ke dalam dosa, Allah sudah menyediakan satu rancangan terindah untuk menyelamatkan umat manusia daripada dosa. Ucapkan syukur kepada Allah kerana Dia telah memberi Tuhan Yesus sebagai Penyelamat kita dan memberi kita peluang menerima anugerah-Nya.

Kejadian: Suatu Permulaan





Ayat Mas Alkitab

“Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi... Maka Allah melihat segala yang dijadikannya itu, sungguh amat baik. (Kejadian 1:1, 3a)



Kata-kata Mutiara

Kitab Kejadian menggambarkan Allah sebagai Sumber Permulaan segala yang baru dan Pencipta semesta alam.



Aktiviti Bersama

Peristiwa Penting Dalam Perjanjian Lama

Buat satu jadual waktu dan menulis catatan yang penting/atau melukis sesuatu yang menarik untuk menunjukkan peristiwa-peristiwa yang penting dalam Perjanjian Lama.

Tampal kertas yang besar ini pada kelas supaya setiap kali ada perkembangan baru, anda akan menulis dan melukisnya. Peserta-peserta boleh menggunakan pen berwarna atau melakar gambar-gambar menarik untuk jadual perkembangan perhubungan Allah dan manusia.

Anda boleh tuliskan catatan penting tentang bapa leluhur untuk sesi ini pada kertas mahjong atau kadbod besar yang disambungkan. Gunakan pen pewarna untuk menunjukkan peristiwa-peristiwa penting atau sedikit hal yang menarik tentang Bapa Leluhur.



Renungan Firman Tuhan

Tahukah anda bahawa nama kitab pertama dalam Perjanjian Lama, Kejadian (Genesis), bererti ‘pada permulaannya’? Kitab ini seperti pengenalan kepada Allah yang Ajaib, Pencipta dan Sumber segala permulaan.

Mari kita melihat permulaan apakah yang diciptakan oleh Allah. Lihat ayat-ayat ini dan kemudian catat dengan ringkas mengenai apa yang dijelaskannya.

	Apa yang terjadi sebelumnya	Apa yang dilakukan oleh Allah
Dunia yang Serba Baru	Kejadian 1:1-2	Kejadian 1:27-28,31; 2:1
Manusia Pertama Jatuh dalam Dosa	Kejadian 3:1-8	Kejadian 3:15
Alam yang Serba Baru	Kejadian 6:5-6	Kejadian 7:22-23; 9:7-11
Umat yang Baru	Kejadian 12:1; 15:2-3	Kejadian 17:3-8; 21:1-5



Renungan Peribadi

Padankannya dengan ayat-ayat Alkitab yang betul:

- | | |
|--------------------------------------|--------------------|
| 1. Permulaan dunia | Kejadian 12-50 |
| 2. Permulaan sejarah manusia | Kejadian 10, 11 |
| 3. Kejatuhan dan kemerosotan manusia | Kejadian 4:16-9:29 |
| 4. Kejatuhan manusia dalam dosa | Kejadian 4:1-15 |
| 5. Permulaan kehidupan keluarga | Kejadian 1:1-25 |
| 6. Perjanjian Penebusan | Kejadian 1:26-2 |
| 7. Permulaan bangsa-bangsa di dunia | Kejadian 3:1-7 |
| 8. Permulaan bangsa Ibrani | Kejadian 3:15 |

Santapan Minda

Kehidupan masyarakat zaman Abraham diwarnai oleh kehidupan yang berpindah-rendah dari satu tempat ke tempat lain untuk bercucuk tanam dan membela binatang. Allah telah memanggil Abraham untuk meninggalkan tempatnya di Haran dan menuju ke tempat yang akan ditunjukkan oleh Allah. Abraham tiba di sebuah pokok keramat di More dekat Sikhem. Ini bererti Abraham telah menelusuri perjalanan yang sangat panjang di wilayah bulan sabit yang juga pernah ditelusuri oleh orang Majus ketika mereka pergi menyembah Tuhan Yesus pada waktu kelahiran-Nya.



Doa

Ambil sejenak untuk menghayati dan memuji Tuhan dengan kata-kata ini, "Bila ku lihat bintang gemerlapan, dan bunyi guruh riuh kudengar ya Tuhan, tak putus aku kagum, melihat ciptaan-Mu yang besar. Maka jiwaku pun memuji-Mu. Sungguh besar Engkau Allahku."

Dari Keluaran ke Imamat





Ayat Mas Alkitab

“Sebab itu haruslah kau ketahui, bahawa TUHAN, Allahmu, Dialah Allah. Allah yang setia, yang memegang perjanjian dan kasih setia-Nya terhadap orang yang kasih kepada-Nya dan berpegang pada perintah-Nya, sampai ke beribu-ribu keturunan.” (Ulangan 7:9)



Kata-kata Mutiara

Allah sungguh setia. Walaupun umat-Nya tidak setia dan tidak taat kepada-Nya, Dia masih memelihara dan membimbing mereka ke tanah perjanjian.



Aktiviti Bersama

Khemah Pertemuan

Khemah Pertemuan itu selalu diletakkan di luar kemah dan apabila Musa masuk ke dalam khemah Pertemuan ini, awan akan turun dan menyelubungi seluruh khemah ini. Ayat-ayat yang menjelaskan Khemah Pertemuan terdapat di Keluaran 33:7-11, Keluaran 25:3-7, Keluaran 26:1-6, Imamat 16:2-3 dan Ibrani 9. Namakan bahagian-bahagian Khemah Pertemuan ini.

Bahagian A

Bagaimanakah bangsa Israel mengetahui bahawa Allah menyertai mereka dan di manakah mereka harus berdiri sewaktu Musa masuk ke Khemah Pertemuan?

Bahagian B

1. Bolehkah anda teka warna Khemah Pertemuan pada waktu itu?

2. Tabirnya dibuat daripada kulit apa?
3. Bahan-bahan apakah yang digunakan untuk membina struktur Khemah Pertemuan?
4. Atap Khemah Pertemuan itu ditutupi kulit domba jantan yang berwarna apa?
5. Khemah Pertemuan ini dibahagikan kepada dua bahagian. Namakan dua bahagian ini.
6. Jelaskan tiga benda yang terdapat di mezbah yang ditempatkan di Ruang Maha Kudus.
7. Namakan dua makhluk yang terdapat pada tabut perjanjian.
8. Di bahagian paling depan Tempat Kudus terdapat apa?
9. Apakah yang boleh bertunas di Tempat Maha Kudus?
10. Tabut Perjanjian disaluti dengan apa?

Kitab Keluaran diakhiri dengan pembinaan Khemah Pertemuan dan Kitab Imamat memulakan proses ibadah.



Renungan Firman Tuhan

Bahagikan diri anda kepada tiga kelompok dan selidiki bahagian A, B dan C. Setelah itu anda boleh membuat presentasi dalam bentuk apa jua — drama, gambar-gambar yang kreatif, dan sebagainya

Bahagian A

1. Apakah sejarah umat Allah setelah Bapa Leluhur yang terkakhir, Yusuf, meninggal dunia? Kepada siapakah mereka berseru untuk pertolongan? (Keluaran 1:8-14)
2. Siapakah yang telah diutuskan Allah untuk menyelamatkan mereka? (Keluaran 11:1-8)
3. Berapa lamakah Musa dipersiapkan di istana sebelum dia melayani Tuhan dan bilakah dia meninggal dunia? (Kisah Para Rasul 7:23; Ulangan 34:7)
4. Sewaktu Allah memanggil Musa, dia telah berdolak dalih. Jelaskan alasan-alasan yang dikemukakan oleh Musa. (Keluaran 4:1-16)
5. Apakah nama Allah yang dikemukakan pada pertama kali dalam kitab Keluaran? (Keluaran 3:14)
6. Berapa penyakit sampar yang menimpa Mesir kerana Firaun bergil tidak melepaskan umat Allah? (Keluaran 7,8,9, 10,11)

Bahagian B

Allah mengikat perjanjian dengan umat Israel dan perjanjian ini dikenali Perjanjian Musa atau dalam bahasa Inggeris, “*Mosaic Covenant*.” atau “Perjanjian Musa.”

 **Baca Keluaran 19, 20,24 dan jawab soalan-soalan di bawah:-**

1. Mengapakah Allah mengikat satu perjanjian dengan umat-Nya? (Keluaran 19:5-6)
2. Daripada status hamba, bagaimanakah status umat Israel berubah setelah perjanjian itu? (Keluaran 19:6)

3. Bagaimanakah Sepuluh Hukum yang diberikan oleh Tuhan menggambarkan sifat Diri-Nya? (Keluaran 20)
4. Apakah umat Allah bertindak setia terhadap Tuhan? (Keluaran 32)
5. Bagaimanakah Allah memimpin mereka sewaktu mereka berada dalam padang belantara? (Keluaran 40:36)
6. Setiap umat Tuhan harus mengetahui tentang *shemah* sejak kecil kerana ia terpenting dalam kehidupan mereka. Jelaskan. (Ulangan 6:4-9)

Bahagian C

Hari Perdamaian yang juga dikenali sebagai “Yom Kippur” merupakan hari yang paling serius dalam perayaan orang Yahudi. Konsep Perdamaian ini dijelaskan oleh penulis kitab Ibrani dengan teliti untuk pemahaman kita.

Penjelasan	Perjanjian Lama (Imamat 16)	Perjanjian Baru (Ibrani 9 & 10)
Siapakah yang menguruskannya?		
Jenis korban yang diberikan		
Peranan Imam Besar		
Berapa kali mesti diselenggarakan perdamaian ini?		
Hasilnya		



Renungan Peribadi

Renungkan bagaimana Tuhan telah melepaskan suku-suku bangsa anda dan perubahan hidup mereka. Kalau anda tidak dapat berfikir untuk suku bangsa anda, bagaimana pula kehidupan anda?

Gaya Hidup Dahulu	Pelepasan Tuhan

Santapan Minda

“Musa menggunakan satu elemen bahasa yang sangat penting untuk jiwa jemaah kita. Saya akan memanggilnya sebagai papan tanda yang menunjukkan arah dan memberi penjelasan. Yang paling menonjol adalah Sepuluh Hukum, hukum-hukum dasar untuk kehidupan (Keluaran 20: 2-17) dan *Shemah*, syahadat dasar untuk hidup (Ulangan 6:4-10). Ia sungguh ringkas dan tetap, tidak dikaburi dengan “jika” atau “kalau.” Ia tidak dapat didebatkan atau bermaksud sebagai bahan-bahan perbincangan. Ia asas dalam semua aspek kepercayaan dan tingkah laku. Jelas, ia harus menjadi pusat perhatian kita.”

~ Eugene Peterson



Doa

Ulangi *Shemah* iaitu Ulangan 6:4-10. Mohon kepada Tuhan dan nyatakan kerinduan anda untuk mengasihi Dia dengan segenap hati, jiwa dan raga. Beritahu Dia bahawa anda rindu mengikut perintah-Nya setiap masa: sewaktu duduk, bangun, berdiri mahupun berjalan.

**Sesi
4**

**Bilangan Hingga
ke Ulangan**





Ayat Mas Alkitab

“Ingatlah kepada seluruh perjalanan yang kaulakukan atas kehendak TUHAN, Allahmu, di padang gurun selama empat puluh tahun ini dengan maksud merendahkan hatimu dan mencubai engkau untuk mengetahui apa yang ada dalam hatimu, yakni, apakah engkau berpegang pada perintah-Nya atau tidak.” (Ulangan 8:2)



Kata-kata Mutiara

Kitab Bilangan menjelaskan dari permulaan hingga ke akhir setelah empat puluh tahun dalam padang belantara.



Aktiviti Bersama

Apa Menurut Anda?

1. Mengapakah kitab Bilangan dinamakan sebagai ‘Bilangan’?
2. Mengapakah kitab Ulangan dinamakan sebagai ‘Ulangan’?



Renungan Firman Tuhan

Bahagikan kumpulan anda kepada dua kelompok dan kemudian bentangkan jawapan anda.

Bahagian A: Beberapa pelajaran dari Bilangan

1. Dosa apakah yang paling besar yang menyebabkan umat Israel tidak dapat masuk ke tanah Perjanjian? (Bilangan 14:1-10)
2. Pelajaran penting apakah yang dapat kita pelajari daripada nenek moyang umat Allah di padang belantara? (Ibrani 3:7-4:11)

3. Mengapa Musa juga tidak dapat masuk ke dalam tanah perjanjian? (Bilangan 20:9-13)
4. Apakah nama tempat di mana umat Allah menguji Allah? (Bilangan 19:13)
5. Bagaimanakah Musa dan umat Allah melambang cara penghapusan dosa? (Bilangan 19:1-9)
6. Bagaimana pula umat Allah dalam Perjanjian Baru menghapuskan dosa mereka? (Ibrani 9:13, 14)

Bahagian B: Beberapa Pelajaran dari Ulangan

7. Musa mengingatkan umat Israel tentang SHEMAH yang merupakan satu pengakuan yang harus dilafazkan oleh orang Yahudi setiap hari. (Ulangan 6:4,5)
8. Apakah yang perlu diingatkan oleh umat Israel sewaktu mereka berada dalam padang belantara? (Ulangan 8:1-5)
9. Setelah mengingatkan semuanya, apakah yang perlu dilakukan oleh mereka? (Ulangan 8:5-6)
10. Apakah yang boleh dipelajari oleh kita sewaktu mengalami kesusahan dan hajaran daripada TUHAN seperti umat Allah? (Ibrani 12:5-11)



Renungan Peribadi

Sebahagian besar umat Allah tidak dapat masuk ke tanah perjanjian kerana mereka sering mencabar dan menguji Allah. Mereka selalu bersikap gelisah, khuatir dan mengimbas balik kehidupan mereka di Mesir walaupun Tuhan membimbing, memelihara dan mencukupi segala keperluan mereka. Apakah dalam kehidupan anda yang diwarnai oleh sikap sedemikian? Catatkannya dalam secarik kertas atau jurnal anda dan doakan untuk diri sendiri.

Santapan Minda

“Sebahagian besar kehidupan kita yang telah diluahkan dalam kegelisahan dan kekhuatiran tentang masa depan sama ada masa depan kita, atau masa depan orang yang dikasihi. Kegembiraan semasa berlalu begitu sahaja, dan kita kehilangan kemanisannya kerana kekurangan iman kepada-Nya yang menyediakan sinaran matahari bagi serangga yang paling kecil...Kenapakah kita tidak menaruh tangan dalam-Nya setiap hari, berjalan dengan penuh kepercayaan untuk perjalanan yang ditentukan, berduri atau berbunga, berbelut-belut atau lurus?”

~ Philips Brooke



Doa

Umat Tuhan selalu merungut-rungut dan khuatir walaupun Tuhan telah memelihara, membimbing dan memenuhi setiap keperluan umat-Nya. Berdoalah agar Tuhan akan menolong kita supaya kita tidak memiliki sifat ini dalam kehidupan kita.

**Sesi
5**

**Panglima Yosua
yang Hebat**





Ayat Mas Alkitab

“Kuatkan dan teguhkanlah hatimu, sebab engkau yang akan memimpin bangsa ini memiliki negeri yang Kujanjikan dengan bersumpah kepada nenek moyang mereka untuk diberikan kepada mereka.” (Yosua 1:6)



Kata-kata Mutiara

Yosua ialah panglima rohani yang membimbing umat Allah untuk menakluk tanah perjanjian. Dia menyerahkan dirinya kepada pimpinan TUHAN, mengatasi latar belakangnya sebagai hamba dan menjadi panglima hebat Israel yang pertama.



Aktiviti Bersama

Dua Belas Suku Israel

Gunakan satu kertas mahjong yang besar dan lukiskan satu peta dengan kedua belas suku Israel. Sewaktu anda belajar sesuatu tentang suku ini, anda boleh melukis atau menulis tentangnya atau melakar sesuatu pada peta itu.



Renungan Firman Tuhan

Yosua pernah menjadi hamba di Mesir sebelum umat Allah dibebaskan. Dia juga mengalami padang belantara. Apakah yang menjadikan Yosua seorang panglima yang hebat?

A. Sifat Yosua

1. Jelaskan pengalaman Yosua (Keluaran 17:8-13)
2. Apakah yang Yosua pelajari sewaktu dia bersama dengan Musa, gurunya yang hebat? (Keluaran 24:13; 33:11, Bilangan 11:28)
3. Jelaskan sikap Yosua sewaktu umat Allah jatuh dalam dosa. (Keluaran 32:17, 33:11)

4. Apakah yang terjadi sewaktu Yosua diutuskan bersama dengan dua pengintai untuk menejelajahi tanah Kanaan? (Bilangan 14:6, 30, 38)
5. Mengapakah Yosua dipilih oleh Tuhan? (Bilangan 27:18)


B. Kemahiran Yosua

6. Adakah Yosua melakukan tugas dengan tenaga sendiri? (Yosua 1:10-11)
7. Apakah yang dilakukan oleh Yosua sebelum dia menakluk tanah perjanjian? (Yosua 2:1)
8. Sewaktu membaca Yosua 3:6-13, karunia apakah yang terdapat dalam diri Yosua?
9. Apakah yang dilakukan oleh Yosua supaya generasi yang baru tidak mengikut nenek moyang mereka yang degil dan tegar hati? (Yosua 5:2-5)
10. Apakah yang menjadi punca kemenangan Yerikho? (Yosua 6)
11. Apakah yang menyebabkan kekalahan mereka di Ai? (Yosua 7:1-5)

C. Kepekaannya Kepada Allah

12. Apakah yang diberikan oleh Allah kepada Yosua yang menyebabkan kemenangannya yang luar biasa? (Yosua 1:6-7,8; 8:1-2)

Tugas apakah yang sangat menantang dalam kehidupan anda? Yosua dalam Yosua 1:6 menasihati kita untuk menguatkan dan teguhkan hati kita untuk menghadapi masa depan yang menantang. Kongsi ketakutan anda dengan seorang teman dan berdoa agar anda dapat menguatkan dan meneguhkan hati anda.



1. Yosua bertumbuh sewaktu masa peralihan (bersama Musa di padang belantara).
2. Yosua meningkat baik atas landasan masa lampau.
3. Yosua seorang guru.
4. Yosua menggunakan lambang (tugu peringatan, sunat).
5. Yosua sangat fokus.
6. Yosua ada semangat.
7. Yosua membuat keputusan yang pasti.
8. Yosua mengambil waktu untuk beribadah.
9. Yosua memberkati pengikut-pengikut lain.



Bersama dengan kawan-kawan, doakan segala cabaran masa depan dan tugas yang perlu dilaksanakan agar anda seperti Yosua selalu mengikut Tuhan dan dikuatkan oleh Roh Kudus dan firman-Nya.

Sesi 6

Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan





Ayat Mas Alkitab

“Sebab itu haruslah kau ketahui, bahawa TUHAN, Allahmu, Dialah Allah; Allah yang setia-Nya terhadap orang yang kasih kepada-Nya dan berpegang kepada perintah-Nya, sampai kepada beribu-ribu keturunan.” (Ulangan 7:9)



Kata-kata Mutiara

Umat Israel terus menerus tidak setia kepada Tuhan walaupun Tuhan menunjukkan kasih-Nya dengan menunjukkan kasih-Nya dengan menyelamatkan mereka daripada musuh-musuh mereka apabila mereka berseru untuk pertolongan.



Aktiviti Bersama

Kesetiaan Allah

Tuliskan kesetiaan Allah sejak permulaan dalam Kitab Kejadian. Tuliskan apakah yang dilakukan oleh Tuhan walaupun umat-Nya sering memberontak. Allah pernah bersabda kepada mereka, “Sebab itu haruslah kau ketahui, bahawa TUHAN, Allahmu, Dialah Allah, Allah yang setia, yang memegang perjanjian dan kasih setia-Nya terhadap orang yang kasih kepada-Nya dan berpegang kepada perintah-Nya, sampai beribu-ribu keturunan.” (Ulangan 7:9)

Peristiwa	Kesetiaan Tuhan
Adam dan Hawa jatuh dalam dosa.	
Abraham sudah lanjut usia.	
Yakub menipu abangnya.	
Umat Israel hampir mati kelaparan.	
Umat Israel menderita sebagai hamba-hamba di bawah Firaun Mesir.	

Peristiwa	Kesetiaan Tuhan
Firaun bersetuju melepaskan mereka tetapi tiba-tiba berubah fikirannya. Tentera Mesir mengejar mereka sehingga mereka sampai ke Laut Merah. Mereka tidak tahu cara untuk hidup, Allah memberi sesuatu kepada Musa di Gunung Sinai. Mereka terpaksa masuk ke tanah Kanaan yang sungguh mencabar.	



Renungan Firman Tuhan

Zaman Hakim-Hakim : Apakah Mereka Terharu Dengan Kesetiaan-Nya?

Apa Yang Dilakukan Oleh Umat Israel?	Apa Yang Dilakukan Oleh Allah
Hakim-Hakim 2:8-15	
Hakim-Hakim 2:16-19	

Bolehkah anda memberi nama para Hakim? Kalau anda tidak dapat, lihatlah Alkitab anda dan tuliskan nama-namanya di bawah.

Zaman Kerajaan Yang Bersatu : Adakah Mereka Terharu Dengan Kesetiaan-Nya?

Apa yang Dilakukan oleh Orang Israel?	Apa yang Dilakukan Allah
1 Samuel 8:1-9, 19-22	
1 Raja-Raja 11:1-13	

Namakan tiga raja Israel yang pertama:

① _____, ② _____, ③ _____.

Zaman Kerajaan Terpisah

Umat Allah tetap hidup tidak taat walaupun Allah telah menunjukkan kebaikan kepada mereka berulang kali. Apakah yang dilakukan oleh Allah?

1. Apakah yang menyebabkan hati raja Salomo tercondong kepada penyembahan berhala? (1 Raja-Raja 11:1-8)
2. Apakah yang dilakukan oleh Allah ketika umat-Nya tidak menurut Dia dan tidak setia kepada-Nya? (1 Raja-Raja 11: 14, 23, 26)
3. Raja Yeroboam telah diberikan sepuluh suku yang dipanggil _____ yang juga bererti Kerajaan Utara (1 Raja-Raja 11:26-40)
4. Namakan dua suku yang masih mengikut Raja Rehobeam setelah Raja Salomo meninggal dunia? (1 Raja-Raja 12:21)
_____ & _____



Renungan Peribadi

Perhubungan kita dengan Tuhan mungkin seperti umat Israel yang tidak terlalu menghargai kebaikan dan kesetiaan Allah. Kita mungkin seperti Raja Salomo. Hatinya terpaut kepada cinta yang menyebabkan dia tercondong daripada Allah dan menyembah berhala. Fikirkan aspek-aspek dalam kehidupan anda yang tidak setia kepada Allah walaupun Dia setia selalu kepada anda.

Aspek-Aspek yang Tidak Setia	Bagaimana Saya Boleh Memperbaiki Sendiri
1. Kerja saya	
2. Mulut saya	
3. Filem yang saya tonton	
4. Pergaulan saya	
5. Cinta saya	

Santapan Minda

“Sesungguhnya, satu langkah yang diambil dalam menyerahkan diri kepada Allah adalah lebih baik daripada satu perjalanan yang merentasi lautan tanpanya... Menghendaki apa yang menjadi Kehendak Tuhan, dan mahu apa yang Dia kehendaki akan membuahkan riang sejati. Tetapi tidak akan ada keriang jika kehendak seseorang itu tidak senada dengan kehendak Allah. Semoga Allah membantu kita untuk seirama dengan-Nya.”

~ Meister Eckhart



Doa

Fikirkan kesetiaan Tuhan dalam kehidupan anda. Kongsikan bersama dengan seorang kawan dan kemudian bersama dengannya mengucap syukur kepada Tuhan atas kesetiaan-Nya dan memohon Dia untuk menolong anda setia selalu.

Cerita Lanjutan Kerajaan Terpisah





Ayat Mas Alkitab

“Hal ini terjadi kerana orang Israel telah berdosa kepada TUHAN, Allah mereka, yang telah menuntun mereka dari tanah Mesir dan kekuasaan Firaun, raja Mesir, dan kerana mereka telah menyembah allah lain, dan telah menurut adat-istiadat bangsa-bangsa yang telah dihalau TUHAN dari depan orang Israel, dan menurut ketetapan yang dibuat oleh raja-raja Israel.” (2 Raja-Raja 17 : 7-8)



Kata-kata Mutiara

Tuhan telah bersabda berita penghukuman dan umat Tuhan tidak boleh berpaling daripadanya seakan-akan tidak ada sesuatu akan terjadi, atau sabda itu hanya akan digenapi bukan pada generasi mereka.



Aktiviti Bersama

Carilah perkataan-perkataan yang penting dalam Ulangan 7:7-15 dan Ulangan 8:19-20. Kemudian berbincang tentang inti ikrar antara Tuhan dan umat-Nya.



Renungan Firman Tuhan

Kerajaan Israel bertambah buruk dengan penyembahan berhala mereka (1 Raja-Raja 12:25-30). Kebanyakan raja Israel sangat jahat dan dibawa ke dalam pembuangan di Asyur pada 722 S.M. Dua suku lain dari Yehuda mempunyai beberapa raja yang baik namun mereka

juga kemudiannya berdosa dan dibawa ke dalam pembuangan selama 70 tahun.

1. Serangan musuh membuktikan apa tentang nabi-nabi? (2 Raja-Raja 24:2)
2. Menurut nabi Yeremia, apakah yang akan terjadi kepada kerajaan Yehuda? (Yeremia 25:1-4)
3. Menurut nabi Yehezkiel, bangsa manakah yang berada dalam perjalanan untuk menyerang Israel dan Yerusalem? (Yehezkiel 21:21)
4. Apakah dosa Israel yang menyebabkan kejatuhannya? (Yehezkiel 22:6)
5. Dosa-dosa lain apakah yang dilakukan oleh Israel? (Yehezkiel 23:37)
6. Apakah yang dikatakan oleh Yehezkiel mengenai Yerusalem dan Bait Allah? (Yehezkiel 24:21; 33:21)
7. Sekalipun serangan dan kabinasaan datang kepada Israel dan Yehuda, apakah Tuhan akan menghapus seluruh umat Allah? (2 Raja-Raja 8:19)
8. Menurut nabi Samuel sekalipun umat Tuhan dipimpin oleh raja-raja yang jahat dan mereka akan dihukumkan, apakah perjanjian yang diberikan oleh Tuhan? (2 Samuel 7:12-13)

9. Jelaskan tiga tema utama dalam kitab 1 Raja-Raja dan 2 Raja-Raja.

1 _____

2 _____

3 _____



Renungan Peribadi

Ambil sejenak dan fikirkan dosa apakah dalam kehidupan anda yang mungkin mengecewakan anda dan kemudian menyebabkan anda terpisah daripada Tuhan? Ambillah waktu untuk berdoa akan hal itu dan memohon kepada Tuhan untuk kepekaan dan ketaatan kepada-Nya.

Santapan Minda

“Pada akhir pemerintahan raja-raja, umat Allah merosot dengan lebih ngeri lagi. Mereka telah menolak Yehovah dan lebih suka menyembah berhala yang dibuat daripada kayu dan emas. Jadi pada waktu pembuangan, Tuhan tidak hadir di dalam fikiran nasional sebagai Tuhan mahupun Raja mereka. Namun ada individu-individu orang Yahudi yang masih mencari dan menyembah Tuhan, dan merekalah sisa orang yang percaya.”

~ Irving L. Jensen



Doa

Lafazkan ikrar yang anda tuliskan kepada Tuhan dan kemudian berdoa kepada Tuhan agar anda akan tetap setia sepanjang kehidupan anda. Jika ada hal-hal yang menyebabkan kemerosotan kehidupan anda, beritahu kepada Tuhan dan meminta pertolongan-Nya untuk menggugurkan tabiat itu demi berjalan dalam ketaatan kepada Tuhan.

Sesi 8

Ezra dan Nehemia





Ayat Mas Alkitab

“Pada waktu itu mulailah Zerubabel bin Sealtiel dan Yesua bin Yozadak membangun rumah Allah yang ada di Yerusalem. Mereka didampingi dan dibantu oleh nabi-nabi Allah.” (Ezra 5:2)



Kata-kata Mutiara

Dari reruntuhan kerajaan Yehuda akan bangkit satu sisa masyarakat yang mengikut Tuhan dan akan membentuk masa depan menurut rancangan Tuhan.



Aktiviti Bersama

Fikirkan....

Jika anda melihat suku anda atau keluarga anda ataupun gereja anda, apakah reformasi rohani yang diperlukan?

Bincangkan beberapa langkah yang boleh menolong mereka untuk mengalami perubahan dalam kehidupan mereka.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian A : Ezra

Kitab Ezra menceritakan peristiwa-peristiwa yang terjadi di Israel sewaktu mereka kembali dari pembuangan sehingga mereka membangun Bait Allah dan waktu yang selanjutnya yang meliputi satu abad.

1. Apakah perjanjian yang diberikan oleh Tuhan kepada orang Israel sebelum mereka dibawa ke dalam pembuangan oleh tentera Babel? (Yeremia 24:12)

2. Hati siapakah yang tergerak sehingga umat Tuhan diizinkan pulang dan membangun bait Allah? (Ezra 1:1-4)
3. Apakah yang memperbolehkan umat Allah kembali ke tanahair mereka untuk membangun Bait Allah sekalipun mereka sungguh tidak setia selama sejarah umat Israel dengan Allah? (Ezra 3:11)
4. Siapakah yang membimbing mereka kembali ke tanahair? (Ezra 5:1)
5. Segelintir umat Allah telah terselamat dan kembali membangun Bait Allah. Berapakah jumlah orang yang dimaksudkan segelintir umat Allah itu? (Ezra 2:64-67)
6. Jelaskan tiga hal yang membuat Ezra begitu berjaya dalam tugasnya membangun Bait Allah dan memulihkan ibadah di Israel. (Ezra 7:6)

Bahagian B : Nehemia

7. Mengapakah Nehemia begitu terbeban untuk membangun Bait Allah? (Nehemia 1:3)
8. Mengapakah Nehemia begitu berjaya membangun Bait Allah? (Nehemia 1:11)
9. Apakah Bait Allah selesai dibangunkan dan apa yang terjadi setelah bangsa-bangsa mendengar tentang pembangunannya? (Nehemia 6:15-16)

10. Adakah umat Allah yang kembali ke tanahair berbeza dengan nenek moyang mereka? (Nehemia 8:1)

11. Adakah mereka menyalahkan Allah atas segala penderitaan yang pernah dialami oleh mereka? (8:32-35)



Renungan Peribadi

Sewaktu anda melihat kawan-kawan dan keluarga anda memerlukan satu kebangunan rohani, apakah anda berdoa seperti Nehemia? Nehemia mengakui dosa bangsanya dan dirinya sendiri kepada Tuhan yang dapat membangun mereka kembali. Dosa apakah yang anda perlu akui demi untuk suku anda? Kongsi hal ini dengan teman anda dan bersama mereka, berdoa untuk suku mahupun bangsa anda.

Santapan Minda

Nasihat Nehemia tentang pelajaran daripada Raja Salomo:

“Bukankah Salomo, raja Israel, telah berbuat dosa kerana hal semacam itu? Walaupun di antara begitu banyak bangsa tidak ada seorang raja seperti dia, yang dikasihi Allahnya dan diangkat oleh Allah itu menjadi raja seluruh Israel, namun dia terbawa ke dalam dosa oleh perempuan-perempuan asing itu. Apakah orang harus mendengar bahawa juga kamu berbuat segala kejahatan yang besar itu, iaitu berubah setia terhadap Allah kita kerana memperisteri perempuan asing?” (Nehemia 13:26-27)



Doa

Hati kita sangat penting kerana hati yang terpaut kepada Tuhan tidak akan menyeleweng dan mendatangkan dosa yang tidak berkenan kepada Tuhan. Salomo jatuh kerana dia terlalu terpaut kepada percintaan. Selidiki apa yang mungkin menghancurkan kehidupan rohani anda.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Gambaran Besar Perjanjian Lama**Objektif-Objektif Sesi**

1. Untuk menolong para peserta mengklasifikasikan kitab-kitab Perjanjian Lama menurut jenis sastranya.
2. Untuk memahami aturan waktu dalam Perjanjian Lama serta memahami urutan Perjanjian Lama.
3. Untuk memahami panoroma rancangan Tuhan yang indah dalam kehidupan umat-Nya.
4. Untuk memahami jadual waktu keseluruhan Perjanjian Lama.

**Pencetus Minat**

Bagagikan para peserta kepada beberapa kelompok. Berikan setiap kelompok satu kertas kosong dan menyuruh setiap kelompok mencatat kitab-kitab dalam Alkitab menurut urutannya.

Anda akan memberi 40 markah untuk nama-nama kitab, 30 markah untuk urutan yang betul dan 30 markah untuk ejaan yang tepat.

**Aktiviti Bersama**

Alkitab terdiri daripada pelbagai kitab yang berbeza bentuk jenis sastra sama ada Taurat, Kitab-Kitab Sejarah, Kitab-Kitab Hikmat, Kitab-Kitab nabi. Golongkan jenis kitab-kitab dalam Alkitab menurut jenis kategorinya.

Jelaskan kepada para peserta bahawa:

Sewaktu membaca Alkitab mereka mesti menyedari akan corak sastra yang dibaca. Kitab seperti Mazmur mempunyai banyak metafora dan Amsal pula banyak simlie. Dari Kitab Mazmur pula, mereka dapat belajar memuji TUHAN dan mencurahkan perasaan mereka kepada TUHAN.

1. Kitab-Kitab Taurat meliputi lima kitab Perjanjian Lama yang dimulai dengan Kejadian dan panggilan Abraham dan diakhiri dengan kematian Musa.
2. Kitab-Kitab Sejarah menjelaskan sejarah kerajaan bersatu, kerajaan

- terpisah — Kerajaan Utara dan Kerajaan Selatan.
3. Kitab Sajak (Mazmur dan Amsal) ditulis dalam corak sajak dan kata-kata bijak. Kadangkala penulis-penulisnya menggunakan penjelasan indah dan figuratif.
 4. Kitab-Kitab Nabi mencatat perkataan-perkataan nabi yang diutus oleh Allah untuk bersabda kepada Israel. Setiap kitab dinamakan menurut nabi-nabinya dan dipisahkan dalam dua bahagian-nabi besar dan nabi kecil (kitab yang lebih singkat dibandingkan dengan nabi-nabi besar).

Kitab Taurat (5)	Kitab-Kitab Sejarah (12)	Kitab-Kitab Hikmat dan Bidalan (5)	Nabi-Nabi Besar (5)	Nabi-Nabi Kecil (12)
Kejadian Keluaran Imamat Bilangan Ulangan	Yosua Hakim-Hakim Rut 1 Samuel 2 Samuel 1 Raja-Raja 2 Raja-Raja 1 Tawarikh 2 Tawarikh Ezra Nehemia Ester	Ayub Mazmur Amsal Pengkhotbah Kidung Agung	Yesaya Yeremia Ratapan Yehezkiel Daniel	Hosea Yoel Amos Obaja Yunus Mikha Nahum Habakuk Zefanya Hagai Zakharia Maleakhi

Jawapan kepada soalan-soalan A hingga G:

- A. Pentateukh
- B. 1 Raja-Raja dan 2 Raja-Raja
- C. Mazmur
- D. Amsal
- E. Yunus
- F. Yehezkiel
- G. Ibrani dan Aramik



Renungan Firman Tuhan

1. Ciptaan, langit dan bumi

2. Abraham dan Yakub

- | | |
|---------------------|----------------------------------|
| 3. 430 tahun, Mesir | 4. 40 tahun |
| 5. Yosua | 6. Hakim-Hakim |
| 7. Saul, Daud | 8. Israel, Yehuda |
| 9. Babel, 70 tahun | 10. Sesbazar, Zerubabel, Nehemia |

Kronologi Perjanjian Lama

Tahun-Tahun	Peristiwa
6,000 S.M.	Ciptaan, Adam dan Hawa. Kain dan Habel.
Antara 6,000-4000 S.M.	Nuh & Banjir Besar.
Antara 2,300-2,000 S.M.	Abraham, Ishak, Esau, 12 orang anak. 400 dalam padang belantara.
Antara 1400-1290 S.M.	Musa, Keluaran Dari Mesir. Hakim-Hakim.
1020 S.M.	Raja Saulus.
1000 S.M.	Raja Daud.
961 S.M.	Raja Sulaiman, Bait Allah didirikan.
925 S.M.	Kerajaan dipisahkan.
722 S.M.	Kerajaan Utara jatuh ke dalam tangan Asyur.
605, 597, 589 S.M.	Kerajaan Selatan jatuh kepada tangan Babel. Bait Allah dibinasa.
538 S.M.	Persia mengalahkan Babel. Umat yang dalam pembuangan mula kembali.
520 S.M.	Bait Suci dibangun kembali.
458 S.M.	Ezra menjadi guru Hukum-Hukum.
445 S.M.	Nehemia membangun tembok Yerusalem.
332 S.M.	Penaklukan oleh Iskandar Agung.
63 S.M.	Penaklukan oleh Rom.



Renungan Peribadi

Setelah para peserta mengisi renungan peribadi itu jelaskan berikut:

1. Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru boleh dipandang sebagai satu drama penebusan yang bermula dengan kejatuhan Adam dan Hawa. Allah berjanji mengirim seorang penebus dalam Kejadian 3:15. Kemudian Tuhan memanggil Abraham dan mengikat perjanjian bahawa dia akan menjadi bapa kepada satu bangsa Isarel, umat pilihan-Nya.
2. Ikatan perjanjian diperkukuhkan dengan perjanjian Allah dengan Musa. Bangsa pilihan mesti taat selalu kepada Tuhan kalau tidak mereka akan dihukum.
3. Sepanjang sejarah umat Allah sejak mereka keluar dari Mesir, masuk ke tanah perjanjian, dibawa ke dalam pembuangan menjadi sejarah ketidaksetiaan umat Allah dan kesetiaan Tuhan.
4. Walaupun umat Allah dibawa ke dalam pembuangan, Yerusalem jatuh dan Bait Allah dibinasakan, Tuhan membawa sisa umat-Nya pulang ke tanahair dan membangun bait Tuhan.
5. Setelah itu drama penebusan itu dilanjutkan dengan kedatangan Kristus Yesus sebagai Penyelamat dunia.

Perjanjian-Perjanjian

1. Abram akan menjadi bapa satu bangsa. (Kejadian 15:5)
2. Allah mengangkat bangsa Israel menjadi bangsa pilihan dan kesayangan-Nya. (Keluaran 19:5)
3. Allah berjanji kepada Daud bahawa keturunannya akan kukuh sepanjang zaman. (2 Samuel 7:26)
4. Kristus Yesus datang daripada keturunan Daud dan Abraham datang ke dunia ini menjadi Penyelamat dunia. (Matius 1:5)



Doa

Tutup doa dengan ucapan syukur atas anugerah-Nya sepanjang sejarah Perjanjian Lama dan juga sejarah manusia. Sejak Adam jatuh ke dalam dosa, Tuhan sudah menyediakan rancangan terindah untuk menyelamatkan umat manusia daripada dosa. Ucapkan syukur kepada Tuhan kerana Dia telah memberi Tuhan Yesus sebagai Penyelamat kita dan memberi kita peluang untuk menerima anugerah-Nya.

Sesi 2 : Kejadian: Suatu Permulaan



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami dengan lebih lanjut tentang dua tema dalam kitab Kejadian.
2. Memahami bahawa Tuhan selalu memberi mereka kesempatan untuk hidup baru.
3. Memahami bahawa Allah adalah Tuhan perhubungan dan Dia telah mengikat Perjanjian dengan umat-Nya.
4. Menelusuri peristiwa-peristiwa penting dalam Alkitab.



Pencetus Minat

- a. Kalau anda diberi peluang untuk membawa satu perubahan kepada Malaysia, apakah yang ingin anda lakukan?
- b. Membawa perubahan merupakan satu aktiviti yang teruja. Banyak pertolongan dan perubahan yang diperlukan oleh gereja-gereja bahasa contohnya.
- c. Bahagikan diri anda kepada beberapa kelompok dan kemudian berbincang tentang perubahan yang ingin anda bawakan dalam satu aspek sama ada keluarga, masyarakat mahupun tempat kerja anda.

Penjelasan

Membawa perubahan sangat bermakna khususnya apabila kita membawa perubahan kepada orang yang hidup menderita atau terbelenggu. Contohnya Martin Luther King telah membawa perubahan kepada kehidupan orang Afrika di Amerika sehingga mereka boleh menikmati status yang sama dan pergi ke sekolah yang sama serta menaikki bas yang sama.

Tahukah anda bahawa Tuhan juga membawa keajaiban perubahan? Sewaktu dunia ini masih gelap gelita, Tuhan telah membawa terang dan ciptaan yang indah.



Renungan Firman Tuhan

	Apa yang terjadi sebelumnya	Apa yang dilakukan oleh Allah
Dunia yang Serba Baru	Kejadian 1:1-2 Dunia ini gelap dan Roh Allah melayang-layang di permukaan dunia.	Kejadian 1:27-28,31; 2:1 Manusia pertama diciptakan.
Manusia Pertama Jatuh dalam Dosa	Kejadian 3:1-8 Manusia jatuh dalam dosa	Kejadian 3:15 Allah mengirim Penebus untuk menghancurkan iblis.
Alam yang Serba Baru	Kejadian 6:5-6 Kejahatan manusia berleluasa. Tuhan ingin menghapuskan manusia.	Kejadian 7:22-23; 9:7-11 Air bah terjadi dan manusia dihapuskan kecuali Nuh & keluarganya. Perjanjian Allah dan Nuh serta anak-anaknya bahawa air bah yang menghapuskan semua manusia tidak akan terjadi.
Umat yang Baru	Kejadian 12:1; 15:2-3 Abram dipanggil untuk keluar dari negerinya.	Kejadian 17:3-8; 21:1-5 Abram menjadi bapa bangsa yang besar. Isteri Abram melahirkan anaknya Ishak walaupun sudah lanjut usia.

Penjelasan:

1. Kitab Kejadian memberitahu kita bahawa segala sesuatu diciptakan oleh Allah termasuk kita. Namun, manusia jatuh dalam dosa dan Allah memberi perjanjian penebusan dalam Kejadian 3:15.
2. Allah merasa sangat gembira dengan ciptaan. (Kejadian 1:31 a)
3. Allah sangat sedih apabila manusia terus berdosa. Dia menghancurkan manusia dengan air bah. Dia menyelamatkan Nuh dan menyuruh dia untuk menjalani kehidupan yang baru.
4. Perjanjian Lama sering mengajar kita bahawa Allah selalu memberi umat-Nya satu kesempatan untuk menjalani kehidupan baru.

5. Allah juga melepaskan umat-Nya dari Mesir namun mereka tidak setia kepada Allah, namun Allah membawa segelintir ke tanah perjanjian.
6. Selanjutnya, umat-Nya tetap tidak setia dan jatuh dalam dosa. Allah mengirimi nabi-nabi untuk membawa mereka ke pangkal jalan.
7. Akhirnya, Allah mengirimi anak-Nya Tuhan Yesus untuk menyelamatkan dan menebus dosa manusia serta memberi mereka hati yang baru.



Renungan Peribadi

1. Permulaan dunia (Kejadian 1:1-25)
2. Permulaan sejarah manusia (Kejadian 1:26-2)
3. Kejatuhan dan Kemerosotan dunia (Kejadian 4:16 hingga 9:29)
4. Kejatuhan manusia dalam dosa (Kejadian 3:1-7)
5. Permulaan Kehidupan Keluarga (Kejadian 4:1-15)
6. Perjanjian Penebusan (Kejadian 3:15)
7. Permulaan bangsa-bangsa di dunia (Kejadian 10 & 11)
8. Permulaan bangsa Ibrani (Kejadian 12 hingga 50)



Doa

Berilah waktu kepada para peserta untuk memuji Tuhan dan menghayati kebesaran-Nya. Mereka boleh berdiri dalam lingkaran dan setelah anda menyebut doa dalam panduan pembimbing, mereka boleh menyebut contohnya “bintang” atau “bunga” dan semua orang akan memuji Tuhan atas pemberian-Nya yang indah.



Aktiviti Tambahan Drama Bapa Leluhur

Anda boleh memilih beberapa peserta untuk membaca skrip ini lalu melakon secara spontan.

Abraham: Shalom! (Lihat kawan-kawan anda). Pakaian anda berlainan sekali dengan pakaian saya. Wah, cara anda bergerak dari satu tempat ke satu tempat juga berlainan. Tadi, saya nampak ada unta besi yang merah yang bergerak dengan begitu pantas. Unta saya hampir pengsan melihatnya. Saya Abraham dan saya berasal dari tanah Ur.

Ishak: Selamat pagi. Saya Ishak dan saya anak Abraham.

Yakub: Saya Yakub, saya anak Ishak dan cucu Abraham.

Abraham: Ya, kami daripada keluarga yang sama, bukan hanya pertalian darah sahaja tetapi kami sekeluarga dalam iman juga. Anda juga sekeluarga dengan kami dalam iman.

Saya mahu mencerita sesuatu yang mengejutkan saya namun sesuatu yang indah. Pada suatu malam, Allah membawa saya keluar dari khemah saya dan menceritakan sesuatu yang indah kepada saya. Dia bersabda bahawa anak-anak dan cucu-cucu saya akan menjadi banyak seperti bintang-bintang di langit. Saya percaya kepada Allah kerana Dia Pencipta dan tidak ada sesuatu pun yang mustahil bagi-Nya.

Ishak: Ya, ya ibu saya sangat tua sewaktu melahirkan saya.

Abraham: Eh, jangan bercakap yang bukan-bukan mengenai ibu kamu.

Ishak: Tua tetapi sangat cantiklah! Ibu saya berumur 90 tahun tetapi sangat cantik juga. Ayah saya lebih tua lagi tetapi Tuhan berjanji menjadikan bapa satu bangsa besar. Saya juga termasuk seorang bapa leluhur bangsa Israel kerana bapa saya Abraham.

Yakub: (Lompat keluar). Saya juga bapa leluhur. Walaupun saya agak nakal sedikit, saya pun seorang bapa leluhur tahu? Sekalipun saya telah melakukan beberapa hal yang kurang berkenan kepada Allah seperti menipu abang saya, Allah tetap mengampuni saya. Nama saya kemudian ditukarkan kepada Israel.

Saya ada cerita yang indah lagi. Saya diberkati dua belas anak. Dua belas anak saya telah menjadi pemimpin-pemimpin dua belas suku kaum di Israel.

Yusuf: Saya salah satu cucu Yakub. Kalau anda membaca cerita saya, anda mungkin tahu saya melalui banyak penderitaan. Saya telah ditolak ke dalam lubang oleh abang-abang saya, lalu dijual kepada serombongan pedagang Ishamaelite. Kemudian, saya bekerja di rumah Potifar lalu dilemparkan ke dalam penjara kerana difitnah oleh isterinya. Atas anugerah dan rancangan-Nya yang terindah, saya menjadi pemimpin Mesir dan menyelamatkan bangsa Israel dari kelaparan. Saya bapa leluhur yang terakhir.

Abraham: Ya, keturunan kami bertambah begitu banyak ketika kami

berada di Mesir. Cerita riwayat bangsa Israel begitu menarik dan kami masih mempunyai banyak cerita-cerita menarik!

Kami perlu pulang ke Ur sekarang. Unta kami sudah memanggil kami. Mereka semua berkata syalom dan tinggalkan tempat itu.

Setelah melihat lakonan drama mengenai bapa leluhur, tanyakan soalan-soalan di bawah:

Soalan-Soalan

1. Apakah perjanjian yang diberikan oleh TUHAN kepada Abraham? (Kejadian 18:17-18)
2. Perjanjian ini diturunkan kepada Ishak. Apakah yang dikatakan oleh TUHAN kepada Ishak? (Kejadian 17:19)
3. Apakah yang diteguhkan kepada bapa leluhur yang terakhir? (Kejadian 37:5-9)

Jawapan

1. Abram akan menjadi bapa bangsa yang besar serta berkuasa, dan melalui bangsa ini bumi ini akan diberkati. (Kejadian 18:17-18)
2. Tuhan akan mengadakan perjanjian dengan Ishak dan keturunannya sampai selama-lamanya. (Kejadian 17:19)
3. Semua orang yang lain akan tunduk dan menghormatinya. Akhirnya Yusuf diangkat menjadi gabenor Mesir. (Kejadian 37:5-9)
4. Anda boleh menjelaskan bahawa bapa leluhur ini nenek moyang Kristus Yesus.

Sesi 3 : Dari Keluaran ke Imamat



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami apa yang terjadi kepada orang Israel pada waktu mereka tinggal di Mesir sehinggalah mereka tiba di tanah perjanjian.
2. Memahami bagaimana Allah membebaskan satu bangsa dari kuku besi Mesir
3. Memahami bagaimana Allah mengikat perjanjian dengan umat-Nya
4. Memahami makna ibadah dan kaitannya dengan Perjanjian Baru.



Pencetus Minat

Jika anda mempunyai CD *“Prince of Egypt”* atau *“Ten Commandments”* anda boleh tayangkan salah satu bahagian yang menarik secara singkat untuk merangsang keinginan pelajar untuk belajar. Contohnya anda boleh tayangkan bagaimana mereka menyeberang Laut Merah atau beberapa daripada penyakit sampar yang menimpa Firaun.

Penjelasan

Kitab Kejadian berhenti dengan kematian bapa leluhur Yusuf, salah satu anaknya Yakub. Umat Tuhan bertambah jumlahnya di Mesir dan mereka tinggal di Mesir di bawah kuku besi Firaun. Sewaktu mereka berada di bawah kuku besi Firaun mereka berseru dan menangis kepada Allah untuk pertolongan.

Kitab Keluaran hingga ke Imamat menggambarkan bagaimana Allah melepaskan mereka dari Mesir dan membawa mereka ke tanah perjanjian. Dalam kitab Imamat, kita juga akan belajar sedikit sebanyak tentang ibadah pada waktu itu dan kaitannya dengan Perjanjian Baru.

Sewaktu mereka berada dalam padang belantara, mereka tidak mempunyai Bait Suci, jadi mereka menggunakan khemah. Kita akan belajar tentang khemah pertemuan.

**Aktiviti Bersama****Khemah Pertemuan****Bahagian A**

Apabila awan turun ke khemah itu, mereka mengetahui bahawa Allah bersama dengan mereka, dan mereka akan berdiri di luar khemah itu.

Bahagian B (Baca Keluaran 25:1-22, Keluaran 26:1-6, Ibrani 9)

1. Kain ungu tua, ungu muda, ungu dan sedikit warna merah
2. Kulit domba jantan, kulit lumba-lumba, kulit bulu kambing
3. Kayu penaga dan kayu pengusung
4. Merah
5. Tempat kudus dan tempat yang Maha Kudus
6. Buli-buli emas yang berisi manna, tongkat Harun yang pernah bertunas, dan loh-loh batu yang bertuliskan perjanjian
7. Dua kerub
8. Roti sajian
9. Tongkat Harun
10. Emas

**Renungan Firman Tuhan**

Bagagikan para peserta kepada empat kumpulan, kemudian suruh mereka untuk menyampaikan jawapan mereka.

Bahagian A

1. Setelah Yusuf meninggal dunia, keturunannya bertumbuh di Mesir dan bertambah begitu banyak. Mereka dijadikan hamba dan dibebankan dengan kerja keras. Mereka menangis dan berseru kepada Allah Abram, Ishak dan Yakub. (Keluaran 1:8-14)
2. Tuhan menjawab mereka dengan memanggil Musa untuk membebaskan mereka dan membawa mereka ke tanah perjanjian. (Keluaran 11:1-8)
3. Musa disiapkan selama 40 tahun di istana dan dia meninggal dunia pada 120 tahun. (Kisah Para Rasul 7:23; Ulangan 34:7)
4. Dia takut umat Allah tidak percaya kepadanya, dia tidak pandai berbicara. (Keluaran 4:1-16)
5. Yahweh (YHWH) (Keluaran 3:14)
6. Tulah pertama: air menjadi darah; tulah kedua: katak; tulah ketiga: nyamuk; tulah keempat: lalat pikat; tulah kelima: penyakit sampar; tulah keenam: barah; tulah ketujuh: hujan ais; tulah kedelapan: belalang; tulah sembilan: gelap gelita. (Setelah itu mereka menyeberangi lautan terbrau dan memulakan perjalanan ke tanah perjanjian)

Bahagian B

1. Tuhan mengikat perjanjian dengan umat Israel dan Musa bahawa mereka akan menjadi bangsa-Nya dan mereka akan menjadi bangsa yang kudus. (Keluaran 19:5-6)
2. Mereka berubah dari status hamba menjadi bangsa kesayangan, bangsa Kudus dan imam Allah. (Keluaran 19:6)
3. Sepuluh Hukum menggambarkan kekudusan Allah serta kasih-Nya terhadap manusia. Dia meletakkan hukum ini agar manusia tahu cara hidup bersama-sama menurut kehendak Allah dalam masyarakat.
4. Mereka mendesak Harun mengizinkan mereka membuat anak lembu emas ketika Musa pergi ke Gunung Sinai. (Keluaran 32:1-4)
5. Apabila awan bergerak, itu menandakan Allah sedang bergerak. (Keluaran 40:36)
6. Mereka harus mengetahui bahawa Tuhan mereka Esa dan mereka perlu mengasihi-Nya dengan segenap hati, segenap jiwa, dan segenap kekuatan. (Ulangan 6:4-10)

Penjelasan	Perjanjian Lama (Imamat 16)	Perjanjian Baru (Ibrani 9 & 10)
Siapakah yang menguruskannya?	Para Imam	Yesus Kristus adalah Imam Besar
Jenis korban yang diberikan	Lembu jantan, kambing	Tuhan Yesus
Peranan Imam Besar	Untu menguruskan pengorbanan	Tuhan mengorbankan sendiri
Berapa kali mesti diselenggarakan perdamaian ini?	Setiap permulaan musim bunga	Sekali sahaja
Hasilnya	Kambing itu akan menanggung dosa	Dosa ditebus selamanya oleh Tuhan Yesus

**Renungan Peribadi**

Galakkan mereka untuk merenung kehidupan mereka.



Doa

Bacakan Shemah dalam Ulangan 6:4-10 kepada para peserta. Kemudian undang mereka untuk menyatakan kerinduan mereka untuk mengasihi Tuhan dengan segenap jiwa dan raga. Juga galakkan mereka untuk menyatakan kerinduan mereka untuk mengikut segala perintah-Nya.

Sesi 4 : Bilangan Hingga ke Ulangan



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk mengetahui sikap umat Tuhan sewaktu di padang belantara.
2. Untuk belajar ketaatan kepada Tuhan dan mempercayai pimpinan-Nya.
3. Untuk mengikut Tuhan dengan rendah hati.



Pencetus Minat

Ikrar

1. Bahagikan para peserta kepada beberapa kelompok.
2. Berilah setiap kelompok kadbod dan suruh mereka menulis ikrar. Suruh bayangkan diri mereka sebagai umat Tuhan pada zaman Yosua.
3. Setelah membuat ikrar itu, mereka akan membaca kepada semua.
4. Ikrarnya didasarkan pada Ulangan 8:11-20.
5. Mereka boleh menulis ikrar itu dan mengguntingkan kadbod itu dalam pelbagai bentuk serta menghiasnya. Hiaskannya di papan tanda.

Contohnya:

Kami berjanji akan mengikut segala peraturan Tuhan, dan tidak melupakan segala kebaikan Tuhan yang telah membawa kami keluar dari Mesir. Kami akan mengikut Tuhan yang memberi kekuatan kepada nenek moyang kami untuk memperoleh berkat dan yang telah mengikat perjanjian dengan kami. Kami tidak akan merungut atau meragukan Tuhan kerana Dia akan memberi segala keperluan kami.



Aktiviti Bersama

1. Mengapakah kitab Bilangan dipanggil Bilangan? Umat Tuhan memberontak sehingga mereka terpaksa menggembara dalam padang belantaran sehingga semua generasi yang memberontak mati. Baru setelah ini mereka masuk ke tanah Perjanjian di bawah pimpinan Kaleb dan Yosua. Kitab ini dipanggil Bilangan kerana ia melambangkan banci yang diambil sebelum dan sesudah padang

belantara. Dalam Bilangan 26, banci yang kedua telah diambil lagi.

2. Ulangan dipanggil Ulangan kerana Musa sering mengulangi hukum-hukum Tuhan yang penting kepada mereka. Kita sudah tahu bahawa umat Israel tidak mentaati Tuhan dan banyak yang tidak dapat memasuki tanah perjanjian kerana kedegilan mereka. Sekarang, empat puluh tahun sudah lepas dan mereka hampir masuk ke tanah perjanjian, tetapi mereka mesti mempelajari pelajaran mereka. Mereka mesti diingatkan agar mereka perlu mentaati Allah dan tidak mengulangi pemberontakan mereka. Mereka mesti mengarahkan pandangan mereka untuk pertolongan Allah serta berkat Tuhan. Walau bagaimanapun mereka mesti mengelakkan dosa nenek moyang mereka. Jadi kitab Ulangan menjelaskan bagaimana Musa mengulangi hukum-hukum Allah yang mesti dituruti selalu.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian A

1. Dosa mereka ialah dosa tidak percaya akan Allah dan kuasa-Nya untuk mencukupi keperluan mereka walaupun mereka sudah mengalami begitu banyak mukjizat sewaktu dilepaskan dari Mesir. Mereka tidak percaya Tuhan dapat membawa mereka ke tanah perjanjian dengan selamat dan memberontak terhadap kepimpinan Musa dan Harun. Akhirnya, mereka tidak memperoleh apa yang dijanjikan oleh Tuhan. (Bilangan 14:1-10)
2. Kita mesti selalu mendengar suara-Nya dan tidak mengeraskan hati kita. Kita mesti berpegang kepada segala yang dijanjikan oleh Tuhan dalam Kristus Yesus. (Ibrani 3:7-4:11)
3. Musa tidak dapat membimbing umat Allah ke tanah perjanjian kerana beliau begitu marah terhadap umat Tuhan yang memberontak dan merungut-rungut. (Bilangan 20:9-13)
4. Tempat itu dinamakan Meribah. (Bilangan 9:13)
5. Musa dan Harun akan menyembelih seekor heifer dan setelah itu mengambil sedikit darah dengan jejari mereka dan menyemburnya di tabut perjanjian. (Bilangan 19:1-9)
6. Dalam Perjanjian Baru, Tuhan Yesus telah mengorbankan Diri-Nya sebagai korban yang sempurna. (Ibrani 9:13,14)

Bahagian B

7. Musa mengingat umat Tuhan tentang kesetiaan mereka terhadap

- Tuhan dengan mengasihi Tuhan dengan segenap hati, jiwa dan kekuatan. (Ulangan 6:4,5)
8. Mereka perlu mengingat segala pelajaran yang dipelajari oleh nenek moyang mereka dan bagaimana Tuhan telah mendisiplinkan mereka seperti seorang bapa mendisiplinkan anaknya. Dia mengajar umat-Nya bahawa hidup ini lebih daripada makanan dan keperluan untuk bergantung kepada Tuhan. (Ulangan 8:1-5)
 9. Mereka perlu taat kepada Tuhan dan menurut segala perintah-Nya. Mereka juga perlu mengetahui bahawa Tuhan akan mendisiplinkan mereka kalau mereka tidak menurut. (Ulangan 8:5-6)
 10. Kita harus selalu ingat bahawa kita adalah anak-anak Tuhan yang akan mengalami pendisiplinan sewaktu kita memberontak terhadap-Nya. (Ibrani 12:5-11)



Renungan Peribadi

Galakkan para peserta untuk menyelidiki sama ada kehidupan mereka sama dengan umat Tuhan yang dipimpin Musa. Suruh mereka berdoa, meminta pengampunan daripada Tuhan dan hidup beriman untuk setiap hal dalam kehidupan mereka. Jangan merungut terus kerana Tuhan sangat setia kepada mereka.



Doa

Umat Israel selalu merungut-rungut dan khuatir walaupun Tuhan telah memelihara, membimbing dan memenuhi setiap keperluan umat-Nya. Suruh mereka berdoa agar Tuhan akan menolong mereka untuk tidak memiliki sifat seperti ini dalam kehidupan.

Sesi 5 : Panglima Yosua yang Hebat



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk memahami sifat-sifat yang membuat Yosua seorang panglima yang hebat.
2. Untuk melihat cara Yosua membimbing umat Allah.
3. Untuk menerapkan sifat-sifat tertentu dalam keperibadian mereka.



Pencetus Minat

Bawa setumpuk batu putih untuk para peserta dan meminta mereka untuk menulis pada setiap batu berkat Tuhan yang pernah diberikan kepada mereka. Setiap orang akan menulis atas satu batu dan mereka akan meletakkannya bersama dengan para peserta yang lain.

Jelaskan bahawa kita boleh membuat pelbagai jenis kraft untuk mengingat berkat-berkat dan mukjizat yang pernah dilakukan oleh Allah dalam kehidupan kita. Diari atau journal yang dihiasi foto dan penjelasan tentang bagaimana Allah campur tangan dan sebagainya. Batu yang berwarna warni untuk melambangkan kebaikan Allah.

Penjelasan

Setelah umat Allah keluar dari padang belantara, mereka memasuki tanah Yerikho namun mereka mesti mengharungi tanah-tanah musuh dan sungai Yordan sebelum mereka masuk ke tanah Perjanjian. Sebelum mereka mengharungi sungai Yordan, Allah memerintah agar Yosua memerintah dua belas suku mengangkat dua belas batu dari tengah-tengah Yordan dan dari tempat yang diinjak oleh imam. Kemudian batu-batu dilonggokkan menjadi dua longgok sebagai peringatan bagaimana kedua belas suku ini bersama-sama dipimpin oleh Tuhan semasa di padang belantara sehinggalah mereka memasuki Kanaan. (Yosua 4)



Aktiviti Bersama

Suruh mereka mewarnai peta yang mempunyai wilayah kedua belas suku Israel itu dan menamakan semua suku itu. Mereka boleh menulis atau melakar sesuatu padanya.



Renungan Firman Tuhan

1. Yosua telah diutus untuk berperang dengan Amalek sementara Harun memegang siku Musa dan Musa berdoa sehingga Yosua dan tenteranya menang. (Keluaran 17:8-15)
2. Dia menemani Musa naik ke gunung sewaktu Musa pergi menerima hukum-hukum dan dia juga bersama gurunya, Musa. Dia telah menjadi penolong Musa. (Keluaran 24:13,33:11; Bilangan 11:28)
3. Yosua tidak terlibat dalam penyembahan berhala kerana dia berada di gunung dan dia juga sering menemani gurunya sewaktu beribadah. (Keluaran 32:17,33:11)
4. Hanya Kaleb dan Yosua di antara dua belas pengintai yang dapat hidup setelah mereka pergi mengintai. (Bilangan 14:6, 30, 38)
5. Yosua dipilih oleh Tuhan kerana dia memiliki Roh Allah. (Bilangan 27:18)
6. Yosua melakukan penaklukan itu bukan dengan tenaga sendiri tetapi dia mengurus dan membahagi tugas di antara pemimpin-pemimpin umat-Nya. (Yosua 1:10,11)
7. Yosua mengutus dua pengintai ke seberang Yordan sebelum dia menakluk Yerikho. (Yosua 2:1)
8. Yosua mempunyai kemampuan mengagih tugas kepada pemimpin-pemimpin dan ini dilakukan dengan bimbingan Tuhan. (Yos. 3:6-13)
9. Mereka telah disunat. (Yosua 5:2-50)
10. Kemenangan Yerikho dilakukan atas iman dan bukan kecanggihan seni berperang. (Yosua 6)
11. Pencurian Akhan telah menyebabkan kekalahan di Ai.



Renungan Peribadi

Jelaskan kepada para peserta bahawa Yosua dapat memenangi perang dan memasuki tanah perjanjian kerana Tuhan telah menguatkan dan meneguhkan hatinya untuk menghadapi segala cabaran. Selain itu dia selalu mengikut Tuhan dan tidak membelok ke kanan atau kiri kerana firman Tuhanlah yang membimbing dia.



Doa

Galakkan mereka untuk berdoa bersama-sama. Berdoa agar segala cabaran masa depan dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh mereka akan seperti Yosua yang selalu mengikut Tuhan, dikuatkan oleh Roh Kudus dan Firman-Nya.

Sesi 6: Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami sejarah umat Israel antara zaman Hakim-Hakim dan kerajaan yang terpisah.
2. Memahami bahawa umat Israel terus bersikap tidak setia kepada Allah walaupun Allah selalu setia.
3. Merenungi kehidupan sendiri dan melihat sama ada mereka setia kepada Tuhan atau sebaliknya.



Pencetus Minat

Warnakan peta yang sudah anda lukiskan pada sesi 5 untuk menunjukkan kerajaan yang telah dipisahkan. Namakan suku-sukunya dan berikan catatan penting setelah anda mempelajari lebih lanjut lagi.



Aktiviti Bersama

1. Tuhan berjanji mengirim Penyelamat yang akan meremukkan kepala iblis.
2. Tuhan akan memberi dia seorang anak.
3. Tuhan mengirim malaikat untuk menghibur sewaktu dia terpaksa berlari dari rumah dan memberi dia peluang menjadi bapa leluhur.
4. Tuhan memberi mereka manna pada waktu mereka berada dalam padang belantara.
5. Tuhan mengutus Musa untuk menyelamatkan mereka dari penindasan.
6. Tuhan membelah lautan teberau.
7. Tuhan memberi mereka sepuluh hukum.
8. Tuhan memberi mereka hamba-Nya Yosua, iaitu seorang panglima yang rohani dan berani.



Renungan Firman Tuhan

1. Zaman Hakim-Hakim

Apa Yang Dilakukan oleh umat Israel	Apakah yang dilakukan oleh Tuhan
Hakim-Hakim 2:8-15 Mereka berbuat kejahatan di mata Tuhan dan menyembah berhala.	Tuhan menghukum mereka dan mengirim suku lain untuk menyerang mereka.
Hakim-Hakim 2:16-19 Mereka tidak mendengar kepada hakim-hakim yang dikirimkan oleh Tuhan, bahkan tetap melakukan yang jahat.	Tuhan mengasihi mereka, membangkitkan hakim-hakim untuk menyelamatkan mereka.

Penjelasan

1. Setelah umat Israel tinggal di tanah Perjanjian, mereka lupa akan Tuhan dan perjanjian mereka dengan Tuhan. Mereka dipengaruhi oleh orang yang tinggal di sekitar mereka dan mula menyembah berhala.
2. Tuhan menghukum mereka dengan mengutus suku-suku lain untuk menyerang tanah mereka. Mereka menangis kepada Tuhan setiap kali mereka menderita di bawah tangan musuh mereka. Tuhan mengasihi mereka dan telah membangkitkan hakim-hakim untuk menolong mereka.
3. Namun setelah Tuhan menolong mereka mengusir musuh mereka, mereka kembali menjadi tidak taat.

2. Zaman Kerajaan Bersatu

Apakah yang dilakukan oleh Orang Israel?	Apakah yang dilakukan oleh Allah?
1 Samuel 8:1-9; 19-22 Tidak mahu Tuhan menjadi raja mereka dan ingin seorang raja seperti bangsa-bangsa lain.	Tuhan memberi mereka raja.
1 Raja-Raja 11:1-13 Salomo tidak setia kepada raja.	Tuhan berjanji akan memisahkan kerajaannya menjadi dua.

Penjelasan

1. Umat Israel terus dalam sikap mereka yang tidak setia kepada Tuhan. Kali ini mereka menolak Tuhan sebagai raja mereka dan meminta agar diperintah oleh raja manusia.
2. Tuhan sangat marah dengan mereka dan memberi mereka seorang raja. Namun, Dia memberi amaran tentang sikap dan peribadi raja itu.
3. Kemudian, bangsa Israel menjadi sebuah kerajaan di bawah pemerintahan raja pertama, Raja Saulus. Namun, Saulus kemudian menjadi tidak taat kepada Tuhan dan Allah menggantikannya dengan seorang raja yang lain.
4. Salomo, putera Raja Daud juga tidak setia dan ini menyebabkan Tuhan memisahkan umat Israel menjadi dua kerajaan.

Tiga Raja Pertama

a. Raja Saulus b. Raja Daud c. Raja Salomo

3. Zaman Kerajaan Terpisah

1. Raja Salomo berkahwin dengan isteri-isteri kafir dan hatinya berpaut pada cinta. Cintanya juga mencondongkan hatinya sehingga baginda turut menyembah allah-allah lain. (1 Raja-Raja 11:1-8)
2. Allah membangkitkan musuh-musuh untuk melawan Salomo. Raja Edom, Hadad, seorang pelari daripada Raja Zoba, seorang pegawainya, dan juga Yerobeam bin Neban adalah antara orang-orang yang melawan raja Salomo. (1 Raja-Raja 11:14, 23, 26)
3. Israel. (1 Raja-Raja 11:26-40)
4. Suku Yehuda dan suku Benjamin menjadi suku-suku yang mengikut raja Rehobeam. Dan yang lain mengikut Yerobeam setelah Rehobeam enggan menurut permintaannya malah menambah-beratkan tanggungan mereka. (1 Raja-Raja 12:20)

Penjelasan Selanjutnya

1. Kerajaan Bersatu:Saulus, Daud dan Salomo, tiga raja memerintah atas dua belas suku Israel. Pada waktu ini, tidak ada nabi yang melayani.
2. Kerajaan Terpisah: Sewaktu raja Salomo mangkat, puteranya raja Rehobeam mengambil alih takhta raja Daud. Sepuluh suku memberontak terhadap Rehobeam (1 Raja-Raja 12) dan memilih Yerobeam sebagai raja mereka. Mereka membentuk kerajaan baru dengan Sekhem sebagai ibu kota Samaria. Selama dua ratus tahun terdapat dua kerajaan di Palestina, sepuluh suku di kerajaan Utara, Israel dan dua suku di kerajaan selatan iaitu kerajaan Yehuda.



Renungan Peribadi

Jelaskan kepada para peserta bahawa hati kita mudah condong walaupun Tuhan pernah melakukan mukjizat dalam kehidupan kita. Umat Tuhan yang dilepaskan dari Mesir sering jatuh dalam dosa kerana mereka tidak setia. Raja Saloma yang diberkati dengan kekayaan dan kebijaksanaan juga boleh terpaut pada cinta yang menyebabkan hatinya tercondong. Berikan mereka masa untuk menjelaskan jawapan mereka.



Doa

Ajak mereka untuk berfikir tentang kesetiaan Tuhan dalam kehidupan mereka. Kemudian kongsikan bersama dengan salah seorang kawan. Ucapkan syukur kepada Tuhan atas kesetiaan-Nya dan memohon Dia untuk menolong mereka untuk setia selalu.

Sesi 7: Cerita Lanjutan Kerajaan Terpisah



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami apa yang terjadi kepada kerajaan terpisah.
2. Memahami bahawa firman Allah selalu akan digenapi.
3. Memahami bahawa Allah selalu berpegang pada perjanjian-Nya.
4. Memahami bahawa Allah tetap setia kepada rancangannya.



Pencetus Minat

Dalam upacara perkahwinan, ikrar selalu ditukarkan antara mempelai dan pengantin untuk mengikat mereka dalam kesetiaan. Banyak orang suka menulis ikrar sendiri tetapi perkahwinan di gereja mempunyai ikrar yang tetap.

Bayangkan anda sedang menulis ikrar perkahwinan anda:

- a. Bagaimana hidup anda berubah setelah bersama dengannya
- b. Apa yang anda harap lakukan untuk pasangan anda
- c. Kesetiaan anda sampai selama-lamanya

Penjelasan:

Tuhan telah mengangkat umat-Nya sebagai satu bangsa dan mengikat perjanjian dengan mereka. Baca Perjanjian yang telah dijanjikan oleh Tuhan dalam Ulangan 7:9-11; Ulangan 8:19-20.



Aktiviti Bersama

Inti ikrar:-

1. Allah akan memegang kasih setia dan berpegang kepada perintah-Nya.
2. Dia akan melindungi mereka dan membalas sesiapa yang menganiayai mereka.
3. Tetapi kalau mereka menyembah berhala lain, mereka akan dibinasakan.



Renungan Firman Tuhan

1. Tuhan telah mengenapi segala sabda-Nya kepada umat-Nya dan Dia tidak pernah bersabda dengan sia-sia. (2 Raja-Raja 24:2)
2. Walaupun Tuhan mengutus nabi-nabi kepada raja dan rakyat Yehuda, mereka tidak mahu mendengar dan memperhatikannya. (Yeremia 24:1-5)
3. Tentera bangsa Babel berada dalam perjalanan untuk membinasa Yerusalem dan Bait Sucinya. (Yehezkiel 21:21)
4. Pemimpin-pemimpin mereka mengandalkan kekuatan masing-masing untuk menumpahkan darah tanpa takut akan Tuhan. (Yehezkiel 22:6)
5. Mereka menumpahkan darah, berzina, menyembah berhala, dan juga menyerahkan anak-anak mereka sebagai korbanan kepada berhala-berhala mereka. (Yehezkiel 23:37)
6. Yerusalem dan Bait Suci akan jatuh kepada Babel. (Yehezkiel 24:21; Yehezkiel 33:21)
7. Tuhan tidak akan menghapuskan mereka semua kerana Tuhan ingin memberi keturunan kepada raja Daud, hamba-Nya. (2 Raja-Raja 8:19)
8. Tuhan juga berjanji seorang Raja yang akan mengukuhkan takhta Daud untuk selama-lamanya. Ini merupakan satu nubuat tentang kedatangan Mesias, Tuhan Yesus yang juga menjadi Raja selama-lamanya. (2 Samuel 7:12-13)
9. Tiga tema:
 - a. Tuhan akan menghukum mereka kalau mereka berpaling daripada-Nya.
 - b. Umat Tuhan tidak bertindak setia dan melanggar perjanjian dengan penyembahan berhala dan dosa-dosa yang berkaitan dengannya.
 - c. Firman Tuhan akan digenapi. Penghukuman akan datang namun perjanjian juga tetap diperkukuhkan Allah.



Doa

Suruh mereka melafazkan ikrar yang telah mereka tuliskan kepada Tuhan dan kemudian berdoa kepada Tuhan agar mereka akan tetap setia sepanjang kehidupan mereka. Jika ada hal-hal yang menyebabkan kemerosotan kehidupan mereka, galakkan mereka untuk mengaku kepada Tuhan dan meminta pertolongan-Nya untuk menggururkan tabiat itu demi berjalan dalam ketaatan kepada Tuhan.

Sesi 8: Ezra dan Nehemia



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk memahami bahawa Tuhan tetap setia dan membawa umat Tuhan pulang ke tanah air untuk membangun bait Allah.
2. Untuk memahami keadaan kehidupan rohani umat Tuhan sekembali ke tanahair.
3. Untuk melihat bagaimana Ezra dan Nehemiah begitu berjaya membangun bait Allah.



Pencetus Minat

Bahagikan para peserta kepada dua kumpulan dan memberi setiap kumpulan satu kertas untuk menulis apakah yang menyebabkan kejatuhan umat Tuhan sama ada Israel atau Yehuda. Setiap kumpulan akan menulis sebanyak mungkin puncanya dalam masa 10 minit atau merujuk ke Alkitab. Kumpulan yang menang adalah kumpulan yang mendapat terbanyak punca.

Menjelaskan bahawa raja-raja yang tidak menurut Tuhan, pemimpin-pemimpin yang berpura-pura rohani dan tidak menjunjung perintah Tuhan, penyembahan berhala, bersandar kekuatan sendiri, mencari pertolongan dari kuasa-kuasa besar dan menyembah dewa-dewa mereka, berzina, menindas yang miskin, perkahwinan dengan mereka yang tidak seiman dengan mereka.



Aktiviti Bersama

Biar para peserta berbincang apakah kelemahan atau dosa yang boleh menyebabkan suku mereka tersandung. Biar mereka memikirkan bagaimana membawa reformasi rohani dan bagaimana mereka boleh menjadi alat di tangan Tuhan. Jelaskan pahlawan-pahlawan yang membawa reformasi dan memulihkan keadaan umat Tuhan dan membangun semula Bait Allah ialah Ezra dan Nehemia.



Renungan Firman Tuhan

1. Tuhan melalui nabi-Nya Yeremia berjanji kepada umat-Nya bahawa Dia akan membawa mereka kembali ke tanah air setelah 70 tahun

- dalam pembuangan. (Yeremia 24:12)
2. Hati Raja Koresh tergerak sehingga baginda mahu mereka pulang ke tanahair untuk membangun Bait Tuhan. (Ezra 1:1-4)
 3. Tuhan yang setia telah merancang kepulangan mereka ke tanahair serta membangun bait Allah. (Ezra 3:11)
 4. Zerubabel bin Sealtiel telah membimbing umat Tuhan kembali ke tanahair mereka. (Ezra 5:1)
 5. 50,000 orang (Ezra 2:64-67)
 6. Dia begitu mahir dalam taurat Musa dan segala yang diinginkan telah diberikan oleh Tuhan kerana tangan Tuhan melindunginya. (Ezra 7:6)
 7. Nehemia begitu terbeban untuk membangun Bait Tuhan kerana dia terdengar tembok Yerusalem terbongkar dan gerbangnya terbakar. (Nehemia 1:3)
 8. Dia banyak berdoa dan meminta belas kasihan Tuhan. (Nehemia 1:11)
 9. Musuh-musuh mereka merasa malu dan ini tidak mungkin terjadi tanpa pertolongan Tuhan. (Nehemia 6:15-16)
 10. Mereka sungguh berlainan dengan umat Tuhan yang dahulu kerana mereka sangat menjunjung kitab Taurat Musa dan meminta agar Taurat itu dibawa oleh Ezra dan membacanya di depan semua orang. (Nehemia 8:1)
 11. Mereka hanya menyalahkan pemimpin-pemimpin dan diri sendiri yang tidak memperhatikan perintah Tuhan dan tidak tahu membalas kebaikan-Nya. (Nehemia 8:32-35)

Penjelasan Lanjut

Dalam tahun 539 SM, Babel jatuh kepada raja Koresh, raja Persia. Baginda suka orang Yahudi kembali ke Yerusalem untuk membangun Bait Allah. Dua golongan telah pulang:

- a. Golongan Pertama: kembali ke tanah air di bawah Zerubabel pada tahun 538 S.M. iaitu 70 tahun setelah kejatuhan Yerusalem.
- b. Golongan Kedua: Pada tahun 458 S.M. satu golongan Yahudi sekitar 1,800 orang kembali ke Yerusalem di bawah Ezra. Raja Artaxerxes memberi izin kepada mereka untuk pulang. Reformasi telah dilakukan oleh Ezra kepada sisa umat Tuhan ini.



Renungan Peribadi

Biar para peserta menceritakan tentang keadaan bangsa atau suku mereka. Adakah mereka sungguh-sungguh menyembah Tuhan atau mereka memerlukan satu reformasi dan kebangunan rohani seperti umat Tuhan pada waktu Ezra. Ezra sungguh mementingkan firman Tuhan sewaktu memulihkan umat Tuhan.



Doa

Biarlah para peserta meluangkan waktu mendoakan suku-suku bangsa mereka seperti Nehemia yang rindu agar tembok-tembok yang runtuh dibangunkan kembali. Mereka juga boleh mendoakan keadaan gereja di Malaysia dan memohon agar jemaah Tuhan akan mengalami pembaharuan.

Evaluasi OBOR Belia

Dengan berbesar hati kami mengharapkan anda dapat meluang sedikit masa untuk mengisi Borang Evaluasi ini. Ini adalah supaya ia dapat membantu kami dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi material OBOR Belia.

A. Umum

1. Adakah anda (a) Peserta atau (b) Pembimbing?
2. Berapa ramai orang dalam kelompok belajar / Kelompok Sel anda?
☐ Kurang dari 5 orang
☐ 6 hingga 10 orang
☐ 10 hingga 15 orang
☐ Lebih dari 15 orang (Nyatakan: _____)
3. Berapa kerap anda menggunakan bahan pelajaran ini?
☐ Setiap minggu
☐ _____
4. Bagaimana anda menggunakan bahan pelajaran ini?
☐ Ikuti hampir 100%
☐ Mengubahsuaikan untuk disesuaikan dengan kelompok saya.
☐ Hanya menggunakan bahagian-bahagian tertentu
(Nyatakan: _____)
5. Pada umumnya, adakah OBOR Belia ini berguna untuk kelompok anda?

☐ A – Baik sekali	☐ D – Kurang baik
☐ B – Baik	☐ E – Tidak baik
☐ C – Rata-rata sahaja	

B. Soalan Spesifik

6. Bagaimana anda menilai bahagian-bahagian berikut dalam OBOR Belia?
 - a. Topik yang diliputi

- b. Bahagian Aktiviti Bersama
 - c. Bahagian Pencetus Minat
 - d. Bahagian Renungan Firman Tuhan
 - e. Bahagian Renungan Peribadi
 - f. Bahagian Santapan Minda
-
- 7. Adakah OBOR Belia ini memenuhi keperluan kelompok anda?
 - 8. Adakah ia berkesan dalam memenuhi keperluan?
 - 9. Adakah bahan pelajaran ini mudah digunakan?
 - 10. Apa yang paling anda suka tentang bahan pelajaran ini?
 - 11. Apa yang anda anggap paling lemah dalam OBOR Belia?
 - 12. Ada apa-apa cadangan supaya kami dapat memperbaikinya?

*Sila email kepada kami di wawasan.penabur@gmail.com.
Hadiah kecil sebagai ucapan terima kasih akan kami kirimkan kepada anda.*

OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang kesepuluh, **"Tinjauan Perjanjian Lama (Bahagian I)"** memberi satu pandangan menyeluruh atau gambaran besar Perjanjian Lama yang meliputi Kitab Kejadian hinggalah ke Nehemia. Sejarah manusia diwarnai oleh kesetiaan Allah dan umat manusia yang tidak setia. Kasih Allah telah menyebabkan Dia mengikat Perjanjian dengan umat pilihan-Nya. Dosa dan ketidaktaatan manusia telah mendatangkan pelbagai penghukuman namun perjanjian Allah tetap utuh sehingga Dia memelihara segelintir yang akan muncul sebagai umat Allah yang lebih sejati. Dengan mengetahui sejarah, latar belakang, peristiwa-peristiwa penting, watak-watak dan perjanjian-perjanjian Allah kepada manusia; kami berharap para pembaca akan lebih menghargai dan mencintai Firman Tuhan.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang, dan berperihatin."

Rev. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)

Harga: RM 6.00